



Kod Etika ILTA dalam Bahasa Malaysia

Kod Etika pertama yang disediakan oleh International Language Testing Association (ILTA) adalah satu set prinsip yang merangkumi falsafah moral yang bertujuan membimbing perilaku professional yang baik. Ia bukannya satu statut atau peraturan dan ia tidak menyediakan garis panduan amalan, tetapi bertujuan menawarkan satu tanda aras perilaku etika terbaik oleh para penguji bahasa. Ia berkait-rapat dengan satu Kod Amalan yang berasingan (sedang diusahakan). Kod Etika ini adalah berlandaskan pada satu gabungan prinsip-prinsip berikut: kebajikan, tanpa tindakan buruk, keadilan, hormat kepada autonomi dan masyarakat awam.

Kod Etika ini mengenalpasti 9 prinsip asas. Setiap satu dihuraikan mengikut beberapa siri anotasi yang secara umumnya memperjelaskan sifat-sifat prinsip tersebut. Siri anotasi ini menetapkan apa yang ahli ILTA sepatutnya melakukan atau tidak melakukan, atau lebih umumnya bagaimana mereka patut bertindak ataupun aspirasi profesional; dan mereka mengenal pasti kesukaran dan pengecualian yang wujud dalam penerapan prinsip-prinsip tersebut. Anotasi selanjutnya menghuraikan dengan lebih lanjut hukuman yang berkaitan dengan kegagalan menegakkan Kod Etika, seperti penarikan keahlian ILTA atas nasihat Jawatankuasa Etika ILTA. Walaupun Kod ini berasal daripada kod etika lain yang serupa (yang wujud semenjak beberapa masa), ia berusaha untuk mempercerminkan perubahan dalam nilai masyarakat dan budaya yang berlaku di seluruh dunia. Sebab itu, ia hendaklah ditafsirkan oleh para penguji bahasa sejajar dengan Kod Amalan.

Penguji Bahasa adalah individu yang mempunyai autonomi dan pegangan moral sendiri. Penguji bahasa yang berhadapan dengan situasi dimana mereka tidak bersetuju dengan implikasi moral sesuatu prosedur ujian, berhak enggan mengambil bahagian dalam prosedur itu. Semasa menerima tawaran kerja, mereka sepatutnya memaklumkan kepada majikan tentang kemungkinan ini. Majikan dan rakan kerja patut menjamin bahawa penguji bahasa yang mempunyai pegangan moral berlainan tidak menjadi mangsa diskriminasi.

Kod Amalan (yang sedang diusahakan oleh ILTA) merupakan perwakilan konkrit Kod Etika. Kod Etika menumpu perhatian kepada moral dan aspirasi profesional manakala Kod Amalan mengenal pasti darjat minimum untuk amalan professional dan menumpukan perhatian kepada penjelasan antara salah laku professional dan tingkah laku yang tidak sesuai sebagai professional.

Kedua-dua Kod Etika dan Kod Amalan perlu responsif terhadap keperluan dan perubahan dalam profesion. Di masa hadapan, Kod-kod ini memerlukan semakan semula sebagai tindak balas

kepada perubahan dalam pengujian bahasa dan juga dalam masyarakat. Ini akan berlaku dalam tempoh lima tahun, atau lebih awal jika diperlukan.

Prinsip 1

Para penguji bahasa hendaklah sentiasa menghormati sifat kemanusiaan dan martabat setiap pengambil ujian. Pengambil ujian hendaklah diberi pertimbangan profesional yang terbaik dan penguji bahasa hendaklah menghormati setiap keperluan, nilai dan budaya dalam penyediaan perkhidmatan pengujian bahasa mereka.

Anotasi

- Para penguji bahasa tidak boleh mendiskriminasi atau mengeksploitasi pengambil ujian berdasarkan umur, jantina, bangsa, etnik, orientasi seksual, latar belakang bahasa, kepercayaan, afiliasi politik atau agama, atau dengan sengaja mengenakan nilai mereka sendiri (sebagai contohnya sosial, rohani, politik dan ideologi), setakat yang mereka sedar.
- Penguji bahasa tidak boleh mengeksploitasi pelanggan mereka atau cuba mempengaruhi mereka dengan cara yang tidak berkaitan dengan tujuan perkhidmatan yang mereka berikan atau menyelidikan yang mereka melakukan.
- Hubungan seksual antara penguji bahasa dan pengambil ujian adalah sentiasa tidak beretika.
- Pengajaran dan penyelidikan ujian bahasa yang melibatkan pengambil ujian (termasuk pelajar) memerlukan persetujuan mereka. Aktiviti-aktiviti ini MESTI MENGHORMATI kemartabatan dan privasi pengambil ujian. Pengambil ujian yang terlibat harus dimaklumkan bahawa keengganan mereka untuk mengambil bahagian tidak akan menjejaskan kualiti perkhidmatan pengujian bahasa (dalam pengajaran, dalam penyelidikan, dalam perkembangan, dan dalam pentadbiran). PENGGUNAAN semua bentuk media (kertas, elektronik, video, dan audio) yang melibatkan pengambil ujian memerlukan persetujuan mereka sebelum digunakan untuk tujuan tambahan yang lain.
- Para penguji bahasa hendaklah berusaha untuk menyampaikan maklumat yang mereka hasilkan kepada semua pihak berkepentingan dengan cara terjemah dan terbaik yang mungkin.
- Sebaik yang boleh, pengambil ujian hendaklah dirujuk untuk semua perkara yang berkaitan dengan kepentingan mereka.

Prinsip 2

Penguji bahasa hendaklah menyimpan semua maklumat yang diperolehi dalam kapasiti profesional mereka berkaitan dengan pengambil ujian secara sulit dan mereka akan menggunakan pertimbangan profesional sekiranya maklumat tersebut dikongsi.

Anotasi

- Disebabkan penggunaan bahan fotokopi dan faksimili yang meluas, ujian berkomputer, rekod dan bank data, peningkatan permintaan dari segi akauntabiliti dari pelbagai sumber dan sifat peribadi maklumat yang diperolehi daripada penguji ujian, para penguji bahasa wajib menghormati hak pengambil ujian dari segi kerahsiaan dan mesti melindungi semua maklumat yang berkaitan dengan hubungan penguji ujian dan pengambil ujian.
- Kerahsiaan adalah tidak mutlak, terutama di mana rekod berkenaan pelajar yang mungkin bersaing untuk mendapat kemasukan dan pelantikan. Keseimbangan yang teliti mesti dikekalkan di antara mengekalkan kerahsiaan sebagai aspek asas kewajipan profesional penguji Bahasa dan dan tanggungjawab yang lebih luas penguji bahasa kepada masyarakat.
- Begitu juga, dalam kes-kes yang sesuai, rakan sekerja profesional bahasa penguji juga mempunyai hak untuk mengakses data pengambil ujian yang tidak diuji oleh mereka sendiri untuk meningkatkan perkhidmatan profesion tersebut. Dalam kes sedemikian, penguji bahasa yang terlibat mesti mempertahankan kerahsiaan pengambil ujian.
- Data pengambil ujian yang dikumpulkan dari sumber selain daripada pengambil ujian (contohnya dari guru-guru pengambil ujian) adalah tertakluk kepada prinsip kerahsiaan yang sama.
- Mungkin terdapat keperluan statutori mengenai pendedahan, contohnya di mana penguji bahasa itu dipanggil sebagai saksi pakar di mahkamah undang-undang atau tribunal. Dalam keadaan sedemikian, penguji bahasa bebas dari tanggungjawab profesionalnya dari segi kerahsiaan.

Prinsip 3

Para penguji bahasa hendaklah mematuhi semua prinsip etika yang relevan yang terkandung dalam garis panduan kebangsaan dan antarabangsa apabila menjalankan sebarang percubaan, eksperimen, rawatan atau aktiviti penyelidikan lain.

Anotasi

- Kemajuan pengujian bahasa bergantung kepada penyelidikan, yang semestinya melibatkan penyertaan subjek manusia. Penyelidikan ini hendaklah mematuhi prinsip umum penyelidikan akademik; berdasarkan pengetahuan menyeluruh mengenai literatur profesional; dan dirancang dan dilaksanakan mengikut standard tertinggi.
- Semua penyelidikan mesti mempunyai justifikasi yang kukuh. Cadangan kajian seharusnya munasabah dan memberi jawapan kepada soalan yang dipertimbangkan.
- Hak asasi manusia dalam perkara penyelidikan hendaklah sentiasa diutamakan terlebih dahulu sebelum kepentingan sains atau masyarakat.
- Sekiranya terdapat ketidakselesaian atau risiko kepada subjek penyelidikan, manfaat penyelidikan itu mesti diambil kira tetapi tidak boleh digunakan sebagai justifikasi untuk membenarkannya.

ketidakselesaian atau risiko tersebut. Sekiranya kesan-kesan berbahaya yang tidak dapat dijangka berlaku, penyelidikan semestinya di berhentikan atau diubahsuai.

- Satu Jawatankuasa Etika yang tiada kaitan dengan penyelidik mesti menilai semua cadangan penyelidikan untuk memastikan semua kajian mematuhi piawaian saintifik dan etika yang tertinggi.
- Maklumat yang berkaitan dengan matlamat, kaedah, risiko dan ketidakselesaian yang mungkin diakibatkan oleh penyelidikan akan dimaklumkan kepada subjek terlebih dahulu. Maklumat ini hendaklah disampaikan supaya boleh difahami sepenuhnya oleh subjek. Persetujuan hendaklah bebas, tanpa tekanan, paksaan atau ugutan.
- Subjek hendaklah berasa bebas untuk enggan mengambil bahagian atau mengundur diri daripada penyelidikan di mana-mana masa sebelum penerbitan keputusan penyelidikan. Penolakan tersebut tidak akan menjejaskan bagaimana subjek dilayani.
- Perhatian khas harus diambilkira untuk mendapatkan persetujuan terlebih dahulu dalam hal subjek yang dibawah jagaan atau bergantung pada orang lain (contohnya para pelajar, orang tua, pelajar lemah bahasa).
- Dalam kes minor, persetujuan hendaklah diperolehi daripada ibu bapa atau penjaga serta juga dari kanak tersebut jika dia mempunyai kematangan dan pemahaman yang mencukupi.
- Maklumat sulit yang diperolehi dalam penyelidikan tidak boleh digunakan untuk tujuan selain daripada yang dinyatakan dalam protokol penyelidikan yang diluluskan.
- Penerbitan keputusan penyelidikan hendaklah benar dan tepat.
- Penerbitan laporan penyelidikan tidak akan membenarkan pengenalpastian subjek yang telah mengambil bahagian dalam penyelidikan.

Prinsip 4

Para penguji bahasa tidak seharusnya membenarkan penyalahgunaan pengetahuan profesional atau kemahiran mereka.

Anotasi

- Penguji bahasa sewajarnya tidak menyalahgunakan pengetahuan profesional atau kemahiran mereka untuk tujuan yang menjejaskan kepentingan calon ujian dibawah mereka. Apabila intervensi penguji tidak mendatangkan manfaat secara langsung kepada calon ujian (sebagai contoh apabila calon diminta menjadi subjek percubaan untuk ujian kefasihan berbahasa yang telah direka untuk tujuan yang lain), situasi sebenar haruslah diperjelaskan .

Sekiranya calon tidak konformis dengan pegangan atau ajaran yang wujud di dalam masyarakat, seperti agama, nilai dan sebagainya, atau mempunyai status sebagai pendatang asing haram, ini tidak boleh dijadikan faktor penentu dalam penilaian keupayaan bahasa.

Dalam apa jua situasi undang-undang, para penguji bahasa tidak dibenarkan untuk mengambil bahagian, sama ada secara langsung atau tidak langsung di dalam amalan penyeksaan atau lain-

lain bentuk kekejaman, tidak berperikemanusiaan atau hukuman yang menjatuhkan martabat (rujuk Pengisytiharan Tokyo 1975).

Prinsip 5

Para penguji bahasa seharusnya membangunkan pengetahuan profesional mereka secara berterusan dan berkongsi pengetahuan dengan rakan sekerja dan juga para profesional di dalam bidang bahasa.

Anotasi

- Pembelajaran berterusan dan penguasaan ilmu adalah matlamat asas di dalam menjalankan peranan profesional seseorang; malah kegagalan berbuat demikian dianggap sebagai boleh mengakibatkan kerugian kepada calon ujian.
- Para penguji bahasa seharusnya menggunakan pelbagai kaedah pendidikan berterusan yang tersedia. Ini mungkin melibatkan penyertaan dalam program pengujian bahasa secara berterusan dan persidangan profesional, dan juga pembacaan secara konsisten sebarang bentuk penerbitan profesional yang berkaitan.
- Para penguji bahasa hendaklah berkongsi pengetahuan baru dengan rakan sekerja melalui penerbitan jurnal yang bertaraf profesional atau di mesyuarat.
- Para penguji bahasa adalah diharapkan dapat menyumbang kepada pendidikan dan perkembangan profesional para penguji bahasa baru yang sedang dilatih dan juga menyediakan garis panduan bagi memenuhi keperluan asas latihan tersebut.
- Para penguji bahasa hendaklah bersedia untuk menyumbang secara LEBIH MELUAS kepada pendidikan para pelajar di dalam ruang lingkup profesion bahasa.

Prinsip 6

Para penguji bahasa hendaklah berkongsi tanggungjawab dalam menegakkan integriti profesion pengujian bahasa.

Anotasi

- Para penguji bahasa hendaklah berusaha dan meningkatkan integriti profesion mereka dengan memupuk rasa amanah dan tanggungjawab di antara rakan sekerja. Sekiranya terdapat perbezaan pendapat, pandangan haruslah dinyatakan dengan ketulusan dan rasa hormat dan bukan dengan merendahkan satu sama lain.

Para penguji bahasa membangun dan melaksanakan norma-norma bagi pihak masyarakat. Oleh yang demikian, kedudukan istimewa mereka itu membawa kewajipan untuk mengekalkan keperibadian yang sesuai dan taraf budi pekerti dalam amalan profesional mereka, dan dalam aspek kehidupan peribadi mereka yang membayangkan integriti amalan tersebut.

- Para penguji bahasa yang menyedari perilaku tidak profesional oleh rakan sekerja hendaklah mengambil tindakan yang sesuai; ini mungkin termasuk melaporkan perkara ini kepada pihak berkuasa yang berkaitan.
- Kegagalan dalam mendukung Kod Etika ini adalah dianggap sangat serius dan boleh membawa kepada hukuman yang keras termasuk penarikan balik keahlian ILTA.

Prinsip 7

Penguji bahasa di dalam peranan sosial mereka hendaklah berusaha untuk meningkatkan kualiti pengujian bahasa, penilaian dan perkhidmatan mengajar, berusaha untuk menyediakan peruntukan yang adil bagi perkhidmatan tersebut dan menyumbang kepada pendidikan masyarakat berkaitan dengan pembelajaran dan penguasaan bahasa.

Anotasi

- Para penguji bahasa mempunyai kewajipan tertentu dalam usaha meningkatkan penyediaan pengujian bahasa/perkhidmatan di mana banyak calon ujian mereka dilucut hak dan pengurangan kuasa disebabkan oleh taraf mereka sebagai bukan pengguna asli bahasa.
- Bersandarkan pengetahuan dan pengalaman mereka, para penguji bahasa hendaklah bersedia memberi nasihat kepada mereka yang bertanggungjawab dalam penyediaan perkhidmatan pengujian bahasa.
- Para penguji bahasa hendaklah bersedia untuk bertindak sebagai pendukung dan bergabung dengan mereka yang lain untuk memastikan penyediaan perkhidmatan pengujian bahasa yang terbaik disediakan kepada calon ujian.
- Para penguji bahasa hendaklah bersedia untuk bekerja dengan badan penasihat, badan berkanun, badan sukarela dan pihak komersial yang berperanan dalam penyediaan perkhidmatan pengujian bahasa.
- Para penguji bahasa hendaklah mengambil tindakan sewajarnya jika perkhidmatan di bawah taraf minimum ditawarkan kerana sekatan fiskal atau sebaliknya. Walaubagaimanapun, penguji bahasa harus mengecualikan diri dari perkhidmatan tersebut dengan syarat ia tidak membahayakan calon ujian mereka.
- Penguji bahasa hendaklah bersedia untuk mentafsirkan dan menyebarkan maklumat saintifik yang relevan dan pendapat profesional yang diterima kepada masyarakat. Semasa berbuat demikian, penguji bahasa akan menyatakan dengan jelas sama ada mereka bertindak sebagai jurucakap untuk badan profesional yang diiktiraf atau sebaliknya. Jika pandangan yang dinyatakan bertentangan dengan pandangan profesional umum, mereka hendaklah menerangkannya.
- Adalah wajar bagi penguji bahasa untuk membuat sumbangan yang berasas saintifik di dalam perdebatan awam mengenai isu sosio-politik yang sensitif, seperti bangsa, golongan kurang bernasib baik dan kebajikan kanak-kanak.

- Penguji bahasa hendaklah membezakan antara peranan mereka sebagai pendidik berdasarkan pengetahuan profesional dan peranan mereka sebagai warganegara.
- Dalam memenuhi tanggungjawab mereka di bawah prinsip ini, penguji bahasa hendaklah elak dari mempromosikan diri dan mencaci rakan sekerja.
- Penguji bahasa hendaklah menjelaskan bahawa mereka tidak membuat sebarang dakwaan (dan tidak dilihat sebagai membuat dakwaan) yang bahawasanya sebagai individu mereka mempunyai pengetahuan relevan secara mutlak.

Prinsip 8

Penguji bahasa hendaklah sedar akan kewajipan mereka kepada masyarakat di mana mereka bekerja, sambil menerima hakikat bahawa kewajipan-kewajipan tersebut mungkin kadangkala bertentangan dengan tanggungjawab mereka kepada calon ujian dan kepada pihak berkepentingan yang lain.

Anotasi

- Apabila keputusan ujian diperolehi bagi pihak institusi (jabatan kerajaan, badan profesional, universiti, sekolah, syarikat) penguji bahasa mempunyai kewajipan untuk melaporkan hasil tersebut dengan tepat, walaupun ianya mungkin tidak disenangi oleh calon ujian dan pihak berkepentingan yang lain (keluarga, calon majikan dll).
- Sebagai ahli masyarakat di mana mereka bekerja, penguji bahasa haruslah menghormati keperluan terhadap ujian sesuatu masyarakat dan memenuhi kewajipan mereka, walaupun mereka mungkin tidak setuju dengan keperluan itu.
- Apabila percanggahan mereka cukup untuk melayakkannya sebagai bantahan moral yang kuat, maka mereka mempunyai hak untuk menarik balik perkhidmatan profesional mereka.

Prinsip 9

Penguji bahasa hendaklah sentiasa mempertimbangkan kesan-kesan yang mungkin timbul, baik jangka pendek dan jangka panjang, kepada semua pihak yang berkepentingan dalam projek mereka. Penguji bahasa berhak untuk mengundur diri dari memberi perkhidmatan profesional mereka atas dasar pegangan moral.

Anotasi

Kod Etika

- Sebagai ahli profesional, penguji bahasa mempunyai tanggungjawab untuk menilai implikasi etika projek-projek yang dikemukakan kepada mereka. Walaupun mereka tidak dapat menimbang semua kemungkinan, mereka hendaklah melakukan penilaian menyeluruh terhadap

implikasi yang mungkin dihadapi dan, jika kesan tersebut tidak dapat diterima dari segi pendirian profesional mereka, penguji bahasa sepatutnya menarik balik perkhidmatan mereka.

Dalam kes sedemikian, mereka hendaklah berbincang dengan penguji bahasa yang lain untuk menentukan sejauh mana pandangan mereka selari. Walaupun rakan-rakan mereka mempunyai pandangan yang berbeza, penguji bahasa berhak membuat pendirian individu berdasarkan pegangan moral sendiri.